

PENERAPAN KEMAHIRAN INSANIAH (*SOFT SKILLS*) DALAM PDPC KURSUS TARANNUM KELAS KEMAHIRAN AL-QURAN DI SEKOLAH MENENGAH BERDASARKAN KONSEP PENILAIAN CIPP

THE APPLICATION OF SOFT SKILLS IN QURANIC ART CLASS TEACHING
AND FACILITATION BASED ON CIPP CONCEPT IN SECONDARY SCHOOL

Mohd Zaini Zakaria

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia
E-mail: zainialbinjali69@gmail.com

Muhamad Amar Mahmad

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia
E-mail: m.amar@uum.edu.my

Mohd Nizho Abdul Rahman

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah, Universiti Utara Malaysia
E-mail: m.nizho@gmail.com

Abstrak

Pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) ialah satu proses menyampaikan dan menerima ilmu dengan melibatkan guru dan pelajar yang saling berkait rapat antara satu sama lainnya. Di Malaysia, Kementerian Pelajaran Malaysia telah memperkenalkan Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) di sekolah menengah bertujuan untuk menghasilkan pelajar yang celik, memahami seterusnya membudayakan al-Quran dalam kehidupan seharian. Namun begitu, matlamat ini tidak akan tercapai sekiranya elemen-elemen kemahiran Insaniah diabaikan dalam pendekatan tersebut. Ianya merupakan salah satu objektif negara ke arah melahirkan seorang pelajar muslim yang seimbang dan holistik untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai penjana sumber manusia atau modal insan yang bukan sahaja mantap dengan pengetahuan al-Quran, bahkan memiliki ciri-ciri insan kamil. Kajian ini bertujuan untuk mengamati penerapan elemen-elemen kemahiran Insaniah dalam kursus Tarannum Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) yang telah diperkenalkan pihak kementerian dalam kurikulum Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Kelas Aliran Agama (CAA) seluruh negara berdasarkan konsep penilaian CIPP. Kajian ini berbentuk kualitatif dan melibatkan analisis dokumen, temu bual mendalam separa berstruktur, temu bual mendalam kelompok sasaran dan pemerhatian sebagai kaedah pengumpulan data dan maklumat kajian. Dapatkan kajian ini menunjukkan hanya dua elemen kemahiran Insaniah sahaja yang diterapkan dalam pelaksanaan PdPc Kelas Kemahiran al-Quran di sekolah menengah yang menumpukan kepada nilai moral dan etika profesional.

Kata Kunci : Kemahiran Insaniah, Pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc), Tarannum.

Abstract

Teaching and Facilitation (PdPc) is a comprehensive approach of communication and receiving knowledge involving closely related teachers and students. In Malaysia, the Ministry of Education introduced the *Kelas Kemahiran al-Quran* (Quranic Art Class) in secondary schools with aim to produce knowledgeable students who understand and practice Quranic culture in daily life activities. However, if the elements of *kemahiran insaniah* (soft skills) are ignored in its approach, achieving this goal i.e. producing knowledgeable student can be difficult. One of the national goals is producing a balanced and holistic Muslim student who can accomplish his responsibilities as a human resource or human capital. The students are not only well-versed in the Quranic studies, but also possesses the characteristics of an ideal Muslim. Hence this paper aims to examine the application of the elements of soft skills in the Quranic Art Class (KKQ) course which has been introduced by the ministry to the National Religious Secondary School (SMKA) and *Aliran Agama*

(Religious Stream) curriculum based on the CIPP assessment concept. In collecting data, this qualitative study employs document analysis, semi-structured but in-depth interviews, target group interviews as well as observational method. The preliminary findings show that only two elements of soft skills, professional ethics and moral values, are applied in the PdPc of Quranic Art Class in the secondary school.

Keywords: Soft Skills, teaching and learning, *tarannum*, Quranic Art Class

Pendahuluan

Sebagai sebuah negara yang membangun, Malaysia adalah salah sebuah negara yang menghadapi cabaran yang besar dalam menghadapi persaingan pada abad ke 21 ini. Namun Malaysia tetap kekal utuh dan berdaya saing untuk menjadi sebuah negara maju di mata dunia. Sejarah dengan perkembangan dunia semasa, para pelajar perlu dilengkapkan dengan pelbagai kemahiran yang dapat membantu mereka menjadi individu yang unggul dan berketerampilan pada masa hadapan. Aspek kemahiran ini perlu diketengahkan kepada semua peringkat umur khususnya pelajar di peringkat menengah bagi melengkapkan mereka sebagai insan yang berilmu dalam pelbagai aspek kehidupan. Justeru itu para guru semua sekolah menengah di Malaysia berusaha untuk menerapkan kemahiran ini di pelbagai kursus teras dan elektif kepada pelajarnya agar dapat mengimbangi keperluan akademik yang meliputi segala aspek ilmu pengetahuan dan kemahiran di luar akademik seperti kemahiran pengurusan maklumat dan keusahawanan.

Usaha menerapkan kemahiran insaniah (KI) dalam diri pelajar sekolah menengah merupakan suatu pendekatan melengkapkan pelajar dengan penguasaan akademik dan kemahiran generik, yang melibatkan elemen kognitif yang berkaitan dengan kelahiran bukan akademik seperti nilai positif, kepimpinan, kerja berpasukan, komunikasi dan pembelajaran yang berterusan. Penguasaan kemahiran ini adalah penting bagi menjamin pelajar yang holistik dan sepadu bagi menghadapi kehidupan global dan yang penuh dengan cabaran.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang telah digariskan khusus untuk para pendidik memberikan pelbagai kelebihan terutamanya penambahan dari aspek kepelbagaian kemahiran. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) turut menggariskan bahawa setiap insan itu perlu menguasai pelbagai kemahiran yang membentuk kemahiran insaniah *PdPc*, serta kemahiran

kepimpinan (KPT, 2006). Namun dalam merealisasikan Falsafah Pendidikan tersebut terdapat di sana pelbagai halangan terhadap para guru dalam melaksanakan PdPc. Antara cabaran serta halangannya ialah masa yang padat dengan urusan PdPc dan pengurusan menghalang guru daripada membina pelbagai kemahiran dalam diri mereka. Selain itu, kurikulum di sekolah yang terdiri daripada aktiviti PdPc menyukarkan guru untuk membina kemahiran insaniah.¹ Guru lebih sibuk meluangkan masa untuk menyelesaikan tugas pengurusan di sekolah berbanding tugas PdPc. Hal ini menjelaskan bahawa guru kurang membuat persediaan sebelum proses PdPc berlangsung hingga menyebabkan kurang keberkesanannya.²

Kesan daripada kesibukan guru yang terlalu fokus kepada tugas pengurusan, tugas PdPc terpaksa diabaikan kerana tidak mampu untuk membuat pelbagai tugas dalam satu masa. Faktor ini dilihat berpunca daripada kurangnya penerapan kemahiran insaniah kepada para pelajar seperti keseimbangan yang sempurna, berkepimpinan, berketerampilan, dan berdaya saing ketika waktu belajar. Kemahiran seperti ini merupakan kemahiran yang sepatutnya telah diterapkan dalam diri pelajar, namun aspek ini kurang diperhatikan oleh institusi, guru dan diri pelajar itu sendiri.³ Dalam konteks Kelas Kemahiran al-Quran, khususnya kursus tarannum al-Quran, kemahiran insaniah mampu dipupuk dan diamalkan melalui usaha PdPc yang efisen dan diterapkan oleh guru berdasarkan kepada pemahaman dan kesungguhan mereka. Jesteru kajian ini akan melihat dan menilai apakah dan sejauhmanakah penerapan elemen kemahiran tersebut berdasarkan kepada kesesuaian kursus tersebut.

Kajian ini berbentuk kualitatif yang melibatkan analisis dokumen, temu bual mendalam separa berstruktur, temu bual mendalam kelompok sasaran dan pemerhatian sebagai kaedah pengumpulan data dan maklumat kajian. Sampel kajian adalah terdiri daripada 30 orang guru tarannum program Kelas Kemahiran

¹ Mohd Faizullah, 2014.

² (Barnett, 2003; Morrison et al., 2005; Siti Nur Nadirah dan

Hasnah, 2012).

³ (Nor Rafidah, 2008).

al-Quran yang terlibat dalam Seminar Kesepakaran dan Pemantapan Profesionalisme PDPC Guru-Guru Zon Utara (Kedah/ Perlis) yang berlangsung di Dewan Seminar Zaaba Institut Pendidikan Guru Kampus Darulaman pada 22 Ogos 2017. Teknik pemerhatian diperlukan bagi tujuan mencatat apa yang berlaku dan apa yang didengar semasa berada di lapangan.⁴ Manakala, teknik temu bual digunakan bagi tujuan membolehkan pengkaji mengumpul pendapat, pemikiran, pandangan dan pengalaman dalam bentuk pernyataan langsung daripada peserta kajian yang terlibat.⁵

Model Penilaian CIPP

Model penilaian CIPP bermaksud konteks (*Context*), *input*, proses (*Process*) dan produk (*Product*). Model ini telah dipelopori oleh Daniel L.Stufflebeam semenjak tahun 1960an hasil daripada pengalamannya dalam projek penilaian pendidikan di Ohio Public School District berdasarkan kepada model The Phi Delta Kappa Comitee.⁶ Model CIPP merupakan satu kerangka yang komprehensif dalam mengawal penilaian dengan sesuatu projek, program, inividu, produk, institusi dan sistem. Ianya merupakan satu model penilaian yang mengutamakan kepada kesan jangka panjang dan penambahbaikan yang berterusan.⁷ Ornstein dan Hunkins menyatakan bahawa model CIPP ini telah memberikan sumbangan dari segi penghasilan keputusan dalam penilaian sesuatu program pendidikan.⁸

Stufflebeam telah memperkenalkan empat elemen penting di dalam penilaian iaitu konteks, *input*, proses dan produk. Menurut beliau, model CIPP ini telah mengalami perkembangan sebanyak lima kali.⁹ Model pertama telah diperkenalkan lebih 37 tahun yang lalu yang lebih menekankan keperluan kepada penilaian proses dan penilaian produk.¹⁰ Setahun kemudian, berlaku penambahbaikan dengan penambahan penilaian terhadap konteks, *input*, proses dan produk dengan menegaskan bahawa matlamat seharusnya dikawal melalui penilaian konteks yang terdiri daripada penilaian terhadap keperluan. Manakala perancangan program dikawal melalui penilaian *input* yang terdiri daripada penilaian terhadap alternatif strategi

program.¹¹ Perubahan terhadap model CIPP terus berlaku dengan melakukan penyelarasan terhadap keempat-empat elemen penting dalam penilaian ini dengan mempunyai sistem dan kerangka yang berorientasikan penambahbaikan.¹²

Penilaian konteks merupakan langkah awal dan asas serta ianya langkah yang mendasari penilaian seterusnya. Penilaian konteks bertujuan mengenalpasti perbezaan antara tujuan asal kurikulum itu dilaksanakan dengan status semasa kurikulum ini dijalankan. Ia menilai situasi semasa yang sedia ada dalam pelaksanaan sesuatu kurikulum. Ia melihat sejauh mana keselarasan objektif dan keutamaan sesuatu objektif program dalam kondisi sebenar.¹³

Penilaian *input* pula bertujuan bagi menilai strategi dan sumber yang boleh diperolehi untuk digunakan dalam proses pelaksanaan kurikulum. Tambahan lagi Stufflebeam menyatakan bahawa penilaian *input* juga bertujuan untuk melakukan penganalisaan dan penilaian terhadap aktiviti-aktiviti, strategi-strategi dan prosedur-prosedur sesuatu program sama ada menepati objektif dan matlamat yang telah terbina ataupun sebaliknya. Ia juga mengawal dan memperbaiki perancangan kurikulum.¹⁴

Penilaian proses merupakan penilaian terhadap perancangan yang telah dibina. Ia juga merupakan peninjauan berterusan dan terancang. Maklumat yang diperolehi pada penilaian proses ini akan menjadi kayu ukur terhadap kejayaan sesuatu program melalui pelaksanaan strategi, aktiviti, prosedur program sama ada matlamat yang ditetapkan tercapai atau sebaliknya. Penilaian proses juga memberi impak positif terhadap penambahbaikan program dan aktiviti yang dilakukan agar selaras dengan persekitaran dan komuniti.¹⁵

Penilaian produk ataupun penilaian hasil bertujuan untuk mengaitkan matlamat, konteks, *input* dan proses dengan hasil program. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menilai hasil pelaksanaan kurikulum iaitu penilaian ke atas pencapaian yang diperoleh daripada kurikulum tersebut.¹⁶ Aras kejayaan sesuatu program dapat dinilai melalui

⁴ (Alizah, 2015; Noraini, 2010; Bogdan dan Biklen, 2007).

⁵ (Alizah, 2015).

⁶ The Phi Delta Kappa Comitee (1969).

⁷ (Stufflebeam, 2003).

⁸ Ornstein dan Hunkins (1998)

⁹ Stufflebeam (2003)

¹⁰ (Stufflebeam, 1966).

¹¹ (Stufflebeam, 1967).

¹² (Stufflebeam et al., 1971).


¹³ (Stufflebeam, 2003).

¹⁴ (Stufflebeam dan Shinkfield, 1985).

¹⁵ (Stufflebeam, 1987).

¹⁶ (Stufflebeam dan Shinkfield, 1985).

perubahan yang telah berlaku.¹⁷ Penilaian ditentukan melalui kajian semula terhadap objektif, mengukur kriteria-kriteria yang menentukan pencapaian objektif dan membuat interpretasi terhadap dapatan daripada konteks, *input* dan proses. Penilaian ini akan memberikan maklumat yang akan menentukan sama ada sesuatu program itu perlu diteruskan, ditamatkan atau sekadar perlu kepada penambahbaikan.¹⁸ Ianya sebagaimana dalam jadual berikut



Jadual Model CIPP

Setiap penilaian perlulah mempunyai tiga perkara penting iaitu mengumpul maklumat keperingkat yang maksimum, mengorganisasikan maklumat dengan menggunakan statistik dan pengukuran serta melaporkan maklumat yang telah dianalisis.¹⁹

Model penilaian CIPP disusun secara sistematis dengan mengkategorikan setiap aspek penilaian mengikut dimensi CIPP iaitu konteks, input, proses dan produk. Ianya besifat menyeluruh kerana penilaianya adalah dari pelbagai dimensi dan ianya juga boleh diukur secara berasingan atau secara berpasangan atau secara keseluruhannya. Misalnya penilaian dimensi proses sahaja, atau penilaian dua pasangan dimensi proses dan produk atau penilaian kempat-empat dimensi konteks, *input*, proses dan produk. Justeru keistimewaan ini memberi kebebasan kepada perancangan dasar untuk membuat penambahbaikan dalam dimensi-dimensi itu secara berpasangan atau secara menyeluruh.²⁰

Dalam model ini, Stufflebeam mementingkan penyediaan maklumat dan penekanan kepada pengumpulan data untuk tujuan penganalisisan.²¹ Maka dalam hal itu, beliau turut memberi definisi penilaian sebagai aktiviti mengumpul dan menyediakan maklumat untuk mendapatkan keputusan yang terbaik.

Terdapat empat perkara penting dalam penilaian menurut Stufflebeam dan Shinkfield.

Pertama, penilaian adalah petunjuk atau panduan kepada keputusan yang diambil. ia akan memberi maklumat yang berguna kepada pembuat keputusan. Kedua, penilaian adalah proses pusingan yang lengkap dan berterusan maka ianya perlu dilaksanakan melalui satu program yang bersistematis. Ketiga, penilaian memerlukan tiga langkah utama iaitu gambaran yang lengkap, pengumpulan maklumat dan penyediaan maklumat. Langkah ini adalah asas utama metodologi kajian penilaian. Keempat, proses penilaian juga adalah satu aktiviti yang telus.²²

Dalam pendidikan, penggunaan model ini sangat meluas dalam mengkaji program-program yang baru, sedia ada atau dalam merancang sesuatu program yang dikenalpasti. Model ini juga merupakan satu cara yang berkesan untuk mendapatkan hasil formatif dan sumatif dalam penyelesaian masalah. Model ini juga sangat diminati kerana ia berupaya untuk membuat penilaian dipelbagai tahap samada pada peringkat sebelum, semasa dan selepas sesuatu program dilaksanakan.²³

Dalam kajian ini penulis telah mengadaptasikan model CIPP untuk mengukur penerapan Kemahiran Insaniah berdasarkan kepada Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (soft skill) iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan dalam pelaksanaan PdPc kursus tarannum Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) di sekolah menengah berdasarkan kepada tiga dimensi sahaja iaitu, kontek, proses dan produk. Hal ini berdasarkan kepada persamaan penilaian dari sudut kurikulum dan kursus berdasarkan kepada item-item dimensi yang terkandung di dalamnya.

Penerapan Elemen Kemahiran Insaniah

Dapatan kajian daripada penerapan elemen kemahiran insaniah dalam pelaksanaan PdPc kursus tarannum Kelas Kemahiran Quran di sekolah menengah menunjukkan bahawa hanya dua elemen sahaja daripada tujuh elemen kemahiran insaniah yang terkandung dalam

¹⁷ (Stufflebeam, 1987).

¹⁸ (Stufflebeam dan Shinkfield, 1985).

¹⁹ (Stufflebeam & Shinkfield, 1985).

²⁰ (Stufflebeam dan Shinkfield, 1985).

²¹ Stufflebeam (1985),

²² Stufflebeam dan Shinkfield (1985).

²³ (Yahya Buntat et al., 2006).

Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (soft skill) iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional dan kemahiran kepimpinan, yang diterapkan dalam kursus tarannum Kelas Kemahiran al-Quran di sekolah menengah iaitu:

i. Etika dan Moral Profesional

Etika dan moral profesional yang merujuk kepada kebolehan untuk mengamalkan standard moral yang tinggi dalam amalan profesional dan interaksi sosial dan ini dapat dilihat dalam tiga tahap iaitu:

Tahap 1: Kebolehan memahami kesan perkembangan ilmu tarannum sosiobudaya masyarakat arab dalam amalan pengajian al-Quran.

Tahap 2: Kebolehan menganalisis dan membuat keputusan dalam penyelesaian masalah berkaitan etika.

Tahap 3: Kebolehan mengamal sikap beretika, di samping mempunyai rasa tanggungjawab terhadap masyarakat dengan mesej al-Quran.

ii. Pemikiran Kritis dan Kemahiran Menyelesaikan Masalah

Kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah iaitu melibatkan kebolehan berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, analitis, serta kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan kepada masalah baru dan berlainan yang merangkumi dua tahap berikut:

Tahap 1: Kebolehan mengenal pasti dan menganalisis masalah dalam situasi kompleks dan kabur, serta membuat penilaian yang berjustifikasi terhadap teks al-Quran.

Tahap 2: Kebolehan mengembang dan membaiki kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai perbincangan.

Manakala dapatan kajian dari sudut penilaian pelaksanaan PdPc kursus tarannum dalam Kelas Kemahiran al-Quran berdasarkan kepada konsep CIPP adalah seperti jadual berikut:

Kemahiran Insaniah	Konteks (Matlamat)	Proses (Strategi Pengajaran)	Produk (Hasil Pembelajaran)
Penerapan adalah berdasarkan kepada nilai moral dan etika profesional.	Mempunyai pengetahuan secara spesifik perkembangan ilmu taranum	Pelajar akan didekah dengan kebolehan menganalisis dan membuat keputusan dalam penyelesaian masalah berkaitan konsep, prinsip serta pandangan intelektual Islam mengenai hukum-hakam berkaitan ilmu taranum.	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengetahui konsep ilmu taranum dalam pembacaan al-Quran ii. Memahami hukum-hakam serta peranan ilmu taranum berkaitan pembacaan al-Quran
Penerapan adalah berdasarkan kepada nilai moral dan etika profesional.		Pelajar akan didekah dengan kebolehan menganalisis dan membuat keputusan dalam penyelesaian masalah berkaitan kronologi perkembangan ilmu taranum secara menyeluruh serta asimilasi ilmu taranum	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengetahui kronologi perkembangan ilmu taranum secara menyeluruh ii. Memahami asimilasi ilmu taranum melalui kebudayaan masyarakat arab dan ajam

		melalui kebudayaan masyarakat arab dan ajam	
Penerapan adalah berdasarkan kepada kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah.	<p>Menunjukkan kefahaman dalam <i>tabaqāt</i> suara.</p>	<p>Pelajar akan didedahkan dengan kebolehan berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, analitis, serta kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan kepada masalah baru dan berlainan. Tahap atau aras dua diaplikasikan dimana kebolehan mengembang dan membaiki kemahiran berfikir seperti menjelaskan, menganalisis dan menilai perbincangan berkaitan <i>tahsīn al-ṣawt</i> berdasarkan kepada tingkatan nada suara yang sebenar</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengetahui kesenian <i>'ilm al-aṣwāt</i> dari perspektif Islam ii. Mempamerkan <i>tahsīn al-ṣawt</i> berdasarkan kepada tingkatan nada suara yang sebenar.
Penerapan adalah berdasarkan kepada kemahiran berfikir dan menyelesaikan masalah	<p>Mempunyai pengetahuan terhadap istilah khusus dalam ilmu taranum seperti <i>harakāt, maḥaṭṭah, qit'ah, burdah, ikhtilāl al-laḥn, wuṣlah al-mumāthalah</i> dan <i>sulalim nuzul</i> serta <i>su'ud</i>.</p> <p>Berkebolehan membaca tujuh maqam utama dalam ilmu Tarannum iaitu maqam Bayyati, Soba, Hijaz, Rast, Sikah, Nahawand dan Jiharkah.</p> <p>Berkebolehan mengadaptasi tujuh maqam utama dalam Ilmu Tarannum iaitu maqam Bayyati, <i>Saba, Hijāz, Rast, Sikah, Nahawānd</i> dan <i>Jiharkah</i> dalam surah-surah pilihan.</p> <p>Berkebolehan menggabung maqam-</p>	<p>Pelajar akan didedahkan dengan kebolehan berfikir secara kritis, kreatif, inovatif, analitis, serta kebolehan mengaplikasikan pemahaman dan pengetahuan kepada masalah baru dan berlainan. Selain itu kemahiran berkomunikasi dan nilai moral dan etika profesional diterapkan. Tahap dua diterapkan dalam penggabungan tiga kemahiran tersebut untuk menghasilkan suatu kemahiran yang padu terhadap para pelajar dalam menghasilkan output pembelajaran yang efisen terhadap kemahiran pembacaan al-Quran</p>	<ul style="list-style-type: none"> i. Mempamerkan tujuh <i>maqāmāt</i> utama dalam ilmu taranum iaitu maqam <i>Bayyāti, Saba, Hijāz, Rast, Sikah, Nahawānd</i> dan <i>Jiharkah</i>. Mengamal bacaan al-Quran berdasarkan kepada pentafsiran <i>maqāmāt</i> dalam ilmu taranum. ii.

	<p>maqam utama dalam ilmu taranum iaitu <i>Bayyāti, Ṣaba, Hijāz, Rast, Sikah, Nahawānd</i> dan <i>Jiharkah</i> dalam pembacaan al-Quran berdasarkan kepada <i>harakāt, maḥaṭṭah, qit'ah, burdah, ikhtilāl al-laḥn, wuṣlah al-mumāṭhalah</i> dan <i>sulalim nuzul</i> serta <i>su'ud</i>.</p>		
--	--	--	--

Jadual Penilaian Kemahiran Insaniah Dalam Pelaksanaan PdPc Berdasarkan Dimensi Konteks, Proses (Strategi Pengajaran) dan Produk

Kesimpulan

Kemahiran Insaniah di dalam kursus tarannum program Kelas Kemahiran al-Quran merupakan salah satu objektif yang penting ke arah melahirkan seorang ilmuwan al-Quran yang seimbang dan holistik untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai penjana sumber manusia atau modal insan yang bukan sahaja mantap dengan pengetahuan al-Quran, bahkan memiliki ciri-ciri insan kamil. Oleh yang demikian pembangunan ilmu pengetahuan, kemahiran fizikal, kematangan berfikir, perkembangan sahsiah, daya kepimpinan, budaya intelektual, keusahawanan, dan juga pembudayaan sikap progresif serta nilai etika dan moral yang tinggi amat perlu diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam arus Pendidikan Islam yang beteraskan al-Quran pada masa kini. Sehubungan itu, penerapan kemahiran insaniah ini amat perlu diambil perhatian di dalam kurikulum pendidikan Islam kerana dengan dapat memberikan nilai tambah dalam aspek ketamadunan bangsa dan negara disamping membentuk personaliti pelajar itu sendiri.

RUJUKAN (REFERENCES)

- [1] Ab. Halim Tamuri dan Mohamad Khairul (2010). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim. *Journal Of Islamic And Arabic Education*. 2(1). Hlmn. 43-56.
- [2] Alizah Lambri. (2015). Pelaksanaan pengajaran menggunakan pendekatan pembelajaran berpusatkan pelajar dalam kursus Bahasa Melayu di sebuah universiti awam. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [3] Barnett, S. 2003. Better teachers, better preschools: student achievement linked to teacher qualifications. *Preschool Policy Matter*, 2. NJ: National Institute for Early Education Research.
- [4] Bernd Schulz (2008). The Importance of Soft Skills: Education Beyond Academic Knowledge. *Journal of Language and Communication*. 146-154.
- [5] Bogdan, R.C & Biklen, S.K. (2007). *Qualitative research for education: An*
- [6] Fakhru Adabi Abdul Kadir, Ilhaamie Abdul Ghani Azmi & Rashidi bin Abbas (2012). Hubungan Akhlak Islam Dengan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. National Human Resource Management Conference 2012. 5-6 /12/2012 HOLIDAY Inn Melaka.
- [7] Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) (2006). Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (*Soft Skills*) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- [8] Kementerian Pengajian Tinggi. (2006). *Modul pembangunan kemahiran insaniah (*Soft Skills*) untuk institusi pengajian tinggi Malaysia*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- [9] Kementerian Pengajian Tinggi. (2012). Graduan sukar dapat kerja. Portal Blog Rasmi KPT, Kuala Lumpur. 6 November 2012.
- [10] Morrison, F. J., Bachman, H. J., & Connor, C. M. (2005). Improving literacy in America: Guidelines from research. New Haven: Yale University Press. *e-Jurnal Penyelidikan dan Inovasi Edisi Khas Vol. 3, No.2-1 (Jun 2016)56 – 72 e-ISSN 2289-7909*
- [11] Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan dalam pendidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- [12] Norazila Mat, Jamsari Alias, Nazri Muslim & Nur Atiqah Abdullah. (2015). Experiential learning dan service learning: Ke arah meningkatkan kemahiran insaniah pelajar UKM. *Jurnal Personalia Pelajar* 18(1)(2015): 55-64.
- [13] Nurul Salmi Mohd Dazali & Mohd Isha Awang (2014). Tahap Kemahiran Komunikasi Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pendidikan IPTA Di Utara Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu – JPBM*. Vol. 4(2). Halaman: 44-56.
- [14] Ornstein, A.C. & Hunkins, Francis P. (1998). *Curriculum, Principles and*

Issues. Third Edition. Boston: Allyn And Bacon

- [15] Siti Nur Nadirah dan Hasnah (2012). Sistem Mentor dan Amalan Guru dalam Meningkatkan Literasi Awal Kanak-Kanak. Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) (2007). *Panduan Kemahiran Insaniah (Soft Skills)* UTHM. Johor: Universiti Tun Hussien Onn Malaysia.
- [16] Stufflebeam Daniel L. & Shinkfield A. J. (1985). *Systematic Evaluation* Boston: Kluwer-Nijhoff.
- [17] Stufflebeam, D. L., Foley, W. J., Gephart, W. J., Guba, E. G., Hammond, R. L., Merriman, H. O., & Provus, M. (1971). *Educational Evaluation And Decision Making*. Itasca, Il: F.E. Peacock.
- [18] Stufflebeam, Daniel L.(1987). *The CIPP Model For Program Evaluation*. Boston: Kluwer Nijhoff Publishing.
- [19] Stufflebeam, Daniel L. (1966). *A Depth Study Of The Evaluation Requirement. Theory Into Practice*, 5(3), 121-133.
- [20] Stufflebeam, Daniel L. (1967). *The Use And Abuse Of Evaluation In Title III*.*Theory Into Practice* 6, 126-133.
- [21] Stufflebeam, Daniel L. (1972). *The Relevance Of The CIPP Evaluation Model For Educational Accountability*. SRIS Quarterly, 5(1).
- [22] Stufflebeam, Daniel L. (2003).*The CIPP Model For Evaluation*. Annual Conference Of The Oregon Program Evaluators Network (OPEN). Western Michigan University.
- [23] Yahya Buntat, Muhammad Rashid Rajuddin, Kandar Selamat & Muhammad Sukri Saud. (2006). *Kesesuaian Kurikulum Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Pertanian*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia terhadap keperluan pembelajaran di sekolah. Kajian Penyelidikan Universiti Teknologi Malaysia.